
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

PPK 335 - MASALAH BAHASA DAN KOMUNIKASI

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN:

Kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SOALAN 1 (WAJIB)** dan pilih **TIGA (3)** soalan lain. Jawab setiap soalan pada helaian kertas jawapan yang berasingan.

SOALAN 1 (WAJIB).

1. (a) Apakah maksud bahasa, pertuturan dan komunikasi?
(3 markah)
- (b) Jelaskan langkah-langkah yang perlu diambil oleh guru pendidikan khas dalam pengambilan sejarah kes bagi seorang kanak-kanak berkeperluan khas yang baru memasuki program integrasi.
(10 markah)
- (c) Terangkan teknik-teknik pengambilan sejarah kes bagi kanak-kanak berkeperluan khas.
(12 markah)

Jawab **TIGA (3)** soalan.

2. (a) Terangkan perkembangan bahasa dan pertuturan dalam kalangan kanak-kanak.
(13 markah)
- (b) Jelaskan jenis-jenis ketidakupayaan bahasa dan pertuturan dalam kalangan kanak-kanak.
(12 markah)
3. Terangkan ciri-ciri ketidakupayaan bahasa, pertuturan dan komunikasi yang ada pada kanak-kanak berikut:
 - (a) Kanak-kanak autisma.
 - (b) Kanak-kanak bermasalah pendengaran.
 - (c) Kanak-kanak *cerebral palsy*.
(25 markah)
4. (a) Bincangkan proses penilaian bahasa dan pertuturan.
(15 markah)
- (b) Terangkan kepentingan penilaian bahasa dan pertuturan dalam kalangan kanak-kanak berkeperluan khas.
(10 markah)

5. Terangkan persekitaran pembelajaran dan teknik pengajaran semasa mengajar

- (a) Bahasa dan Literasi.
- (b) Bahasa dan Permainan.
- (c) Bahasa dan Sains.
- (d) Bahasa dan Nombor.
- (e) Bahasa dan Muzik.

(25 markah)

6. (a) Salah satu tugas guru pendidikan khas adalah untuk menyediakan Rancangan Pendidikan Individu. Jelaskan kriteria yang perlu dipertimbangkan semasa merancang rancangan intervensi bahasa, pertuturan dan komunikasi bagi seorang kanak-kanak bermasalah pembelajaran.

(10 markah)

(b) Tulis satu rancangan intervensi bahasa dan pertuturan bagi seorang kanak-kanak ADD (bermasalah tumpuan) berumur sembilan tahun tetapi tahap perkembangan bahasa dan peruturan tersekat pada enam tahun.

(15 markah)

- oooOooo -